

08 AUG 1996

KUB NAK TEROKAI INDUSTRI ELEKTRONIK DI S'WAK

MUKAH, 8 Ogos (Bernama) -- KUB Holdings Bhd berminat untuk menerokai industri elektronik di Sarawak untuk mempelbagaikan kegiatannya di negeri ini.

Pengerusinya, Hassan Harun hari ini menyatakan bahawa syarikat itu yang membuat dan memasang gear suis digital untuk industri telekomunikasi dan disket komputer di Semenanjung Malaysia, berhasrat memperluaskan kegiatan itu ke Sarawak.

KUB telahpun mempunyai kemahiran dan kini bersedia untuk mencari projek yang sesuai di negeri ini serta rakan kongsi yang bersesuaian untuk bekerjasama, katanya.

Ia sedang mengenal pasti industri yang sesuai dan sedang menimbang faktor-faktor seperti bekalan tenaga kerja di Sarawak, katanya di sini hari ini.

Hassan berkata demikian kepada pemberita sebelum menandatangani perjanjian usaha sama antara KUB dan rakan kongsinya -- Medan Sepadu Sdn Bhd dan Lembaga Amanah Kebajikan Masyarakat Melanau Sarawak.

Di majlis tersebut, Hassan mewakili KUB, Medan Sepadu oleh pengerusinya Abdul Hamid Sapawi manakala lembaga amanah berkenaan oleh presidennya, Aidan Wing. Upacara pemeteraian perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Hassan berkata usaha sama itu akan menubuhkan ladang kelapa sawit berharga RM60 juta, termasuk kilang minyak sawit yang berkeupayaan mengeluarkan 40 tan hingga 60 tan minyak sejam di kawasan seluas 4,640 hektar di Oya-Dalat, dekat sini.

Ladang berkenaan dijangka menghasilkan 92,800 tan minyak sawit setahun mulai tahun 2000 apabila pembinaan kilangnya dijadualkan siap kelak, katanya.

Hassan berkata KUB akan menggunakan KUB Agrotech Sdn Bhd (KUBA) untuk projek tersebut, iaitu anak syarikat milik penuh KUB Holdings Bhd, syarikat pegangan pelaburan koperasi itu.

Dalam usaha sama yang namanya belum ditentukan itu, KUBA akan memegang ekuiti 60 peratus, Medan Sepadu 30 peratus dan lembaga amanah kebajikan pula 10 peratus.

Buat masa sekarang, KUBA memiliki ladang kelapa sawit di Kluang dan mengurus sebuah ladang di Sungai Yong, dekat Kluang. Ia merancang untuk memperluaskan kegiatan semasanya dan menerokai bidang ternakan binatang, akuakultur dan pelancongan agro. -- BERNAMA

AHM MA/sia